



الجامعة ماليزيا في ولاية السلطان
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

News





[AWARDS](#)

UMPSA iktiraf kejayaan staf akademik dan siswazah cemerlang

15 February 2024

KUANTAN, 14 Februari 2024 - Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) memberi pengiktirafan terhadap kejayaan dan pencapaian cemerlang yang ditonjolkan oleh staf akademik dan pelajar pascasiswazah dalam Majlis Apresiasi Pascasiswazah UMPSA 2023 yang berlangsung di Swiss-Belhotel Kuantan hari ini.

Acara tahunan universiti yang dianjurkan melalui Institut Pengajian Siswazah (IPS) itu bertujuan meraikan pencapaian pelajar pascasiswazah UMPSA yang telah bergraduat di samping meraikan penghargaan staf akademik yang membantu dan menyumbang dalam pencapaian pelbagai urusan akademik pascasiswazah di UMPSA.

Naib Canselor UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin menyeru ahli akademik dan penyelidik di UMPSA agar terus memainkan peranan penting dalam memajukan dan mengangkat kecemerlangan penyelidikan di UMPSA selaras dengan hasrat Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir.



“Ahli akademik dan penyelidik di UMPSA tidak hanya menghasilkan jurnal berimpak tinggi malah dapat melaksanakan program turun padang bertemu dengan masyarakat bagi berkongsi ilmu, kepakaran serta teknologi penyelidikan yang dapat memberi impak dan manfaat kepada komuniti,” ujarnya.

Beliau turut menghargai komitmen semua pihak yang telah memainkan peranan penting dalam meraih kejayaan buat universiti sama ada di peringkat nasional mahupun global.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Dekan IPS, Profesor Ts. Dr. Che Ku Mohammad Faizal Che Ku Yahya.



Majlis Apresiasi Pascasiswazah UMPSA 2023 menyaksikan seramai sepuluh pelajar UMPSA menerima anugerah merangkumi kategori Anugerah Pelajar Terbaik (Kerja Kursus) (dua penerima),

Anugerah Penulisan Tesis Terbaik (empat penerima), Anugerah Penerbitan Terbaik (dua penerima) dan Anugerah Pelajar Cemerlang Khidmat Sosial (dua penerima).

Majlis juga turut menyediakan anugerah kepada para pensyarah iaitu bagi kategori Anugerah Penyelia Terbaik (dua penerima).

Pada tahun 2023, UMPSA telah berjaya melahirkan seramai 252 graduan siswazah meliputi graduan Doktor Falsafah seramai 80 orang, Sarjana Sains (Penyelidikan) seramai 85 orang, Sarjana Kerja Kursus seramai 76 orang pelajar dan Sarjana Mod Campuran seramai 11 orang pelajar.

Disediakan Oleh: Nur Aaina Adherena Mohd Shukri, Institut Pengajian Siswazah

TAGS / KEYWORDS

[Institut Pengajian Siswazah](#)

[pengiktirafan pencapaian cemerlang](#)